

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 10 DISEMBER 2013 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Angkasawan kedua menjelang 2016	Utusan Malaysia
2.	SIRIM buka ladang solar, angin hibrid pertama	Harian Metro
3.	SIRIM bangun ladang solar pertama di Asia	Sinar Harian
4.	SIRIM bakal bangunkan ladang solar dan angin hibrid berskala besar, pertama di negara dan Asia	Bernamea.com
5.	SIRIM rancang bangun ladang solar, angin hibrid	Berita Harian
6.	SIRIM plans to expand renewable energy technology	The Star
7.	SIRIM to push wind solar hybrid power generation	The Malay Mail
8.	Lynas's waste recycling plans under study	The Malay Mail
9.	Yayasan Angkasawan Malaysia anjur bengkel astronomi untuk media	Bernamea.com
10.	Gempa bumi kuat landa Kepulauan Kuril	Bernamea.com
11.	Gempa bumi sederhana landa Halmahera di Indonesia	Bernamea.com
12.	Keadaan cuaca di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor bertambah baik Selasa	Bernamea.com
13.	Hampir semua negeri diramal hujan hari ini	Utusan Malaysia
14.	Hujan bertambah di Johor, Sarawak	Sinar Harian
15.	Keadaan cuaca di Pantai Timur dijangka bertambah baik	Sinar Harian

Angkasawan kedua menjelang 2016



MOHD. ZAMRI SHAH MASTOR

Oleh HAKIMI ISMAIL
pengerang@utusan.com.my

SEPANG 9 Dis. - Kerajaan bakal menghantar seorang lagi angkasawan negara bagi melakukan pelbagai penyelidikan di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) menjelang 2016 selepas misi pertama berjaya dilaksanakan oleh Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor sebelum ini.

Pegawai Sains Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Mohd. Zamri Shah Mastor berkata, bagi menjayakan hasrat tersebut, pihaknya kini giat mengumpul maklumat bagi memutus-

kan jenis penyelidikan yang akan dilakukan oleh angkasawan kedua negara di ISS.

Menurutnya, Angkasa dan Yayasan Angkasawan Malaysia (YAM) sedang giat bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara bagi menentukan misi dan tujuan utama penghantaran angkasawan kedua negara itu.

"Secara dasarnya rancangan penghantaran angkasawan kedua negara telah pun diluluskan oleh Kabinet, bagaimanapun bergantung pada situasi ekonomi negara pada 2016

nanti.

"Bagi menghantar angkasawan ke ISS memang memerlukan perbelanjaan yang besar dan hampir mencecah RM100 juta, oleh itu amat penting bagi Angkasa dan YAM membuat kajian dengan terperinci agar misi kedua ini memenuhi sasaran yang diletakkan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Terdahulu, Mohd. Zamri menjadi ahli panel pada Program Bengkel Astrofotografi bersama media anjuran YAM di Paya Indah Wetland di sini.

Yang hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif YAM, Rajini Ramlan; Ang-

kasawan kedua Negara, Mejar Dr. Faiz Khaleed dan Yang Dipertua, Persatuan Falak Syarie Malaysia, Syed Kamarulzaman Syed Kabeer.

Malaysia buat julung kalinya menghantar angkasawan ke ISS dengan roket Soyuz TMA-11 pada 10 Oktober 2007 hasil kerjasama dengan Rusia dan hasilnya pelbagai penyelidikan dilaksanakan antaranya melibatkan sel kanser dan leukimia.

Mengulas mengenai negara yang akan dipilih untuk bekerjasama menghantar angkasawan kedua negara, Mohd.

Zamri berkata, kerajaan sedang

menilai perkara tersebut dan masih menunggu tawaran yang berpatutan.

"Pada masa ini, kita masih dalam fasa perancangan dan pelbagai perkara sedang dikaji termasuk melihat kepada penyelidikan yang memberi keuntungan kepada negara untuk dijalankan," katanya.

Sementara itu, katanya, selain program angkasawan, kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM271.9 juta untuk program pembangunan satelit RazakSAT-2 iaitu sebuah satelit penderiaan jauh bagi memantau permukaan bumi.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 40
TARIKH: 10 DISEMBER 2013 (SELASA)

Sirim buka ladang solar, angin hibrid pertama

Kudat: Sirim Bhd berhasrat mengembangkan teknologi tenaga boleh diperbaharui ke peringkat komersial berskala besar dengan membangunkan ladang solar dan angin hibrid yang pertama di negara dan benua Asia.

Rancangan itu susulan keberhasilan yang dicapai menerusi projek prakomersial terbarunya, Aplikasi Sistem Teknologi Angin untuk Penjanaaan Tenaga serta Bangunan Lestari Thin-Film PV dan Penjanaaan Tenaga Boleh Baharu yang dilancarkan semalam.

Pengurus Besar Pusat Penyelidikan Tenaga Boleh Baharu Mohd Fauzi Ismail berkata, projek ladang itu masih di peringkat kajian dan penyelidikan dan dengan kejayaan kedua-dua projek terdahulu ia sedikit sebanyak memudahkan proses pengumpulan data.

"Kajian untuk projek ladang hibrid ini perlu dijalankan dengan lebih teliti kerana ia membitkan kos lebih besar berbanding projek perintis.

"Kami perlu mengambil kira pelbagai aspek antaranya kemudahan akses projek, logistik, lokasi yang tepat, teknologi yang bersesuaian, bajet diperlukan dan juga senarai pelabur berpotensi," katanya.

Fauzi menyifatkan projek ladang hibrid itu bukan sahaja bakal memanfaatkan penduduk setempat negeri Sabah secara khususnya, malah akan memberi faedah yang besar kepada negara secara amnya.

Beliau berkata, inisiatif Sirim itu selaras dengan aspirasi negara ke arah mengurangkan intensiti pelepasan karbon dioksida bagi Keluaran Dalam Negara Kasar sehingga 40 peratus berdasarkan tahap 2005 menjelang 2020 seperti yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Copenhagen 2009.

"Bagi tujuan kewangan, kami mencari pelabur yang berpotensi dan berminat untuk sebarang modal teroka bagi membiayai kos yang akan terbabit," katanya.

- BERNAMA

Sirim bangun ladang solar pertama di Asia

KUDAT - Sirim Bhd berhasrat mengembangkan teknologi tenaga boleh baharu ke peringkat komersial berskala besar dengan membangunkan ladang solar dan angin hibrid yang pertama di negara dan benua Asia.

Rancangan itu merupakan susulan keberhasilan yang dicapai menerusi projek prakomersial terbaharunya, Aplikasi Sistem Teknologi Angin untuk Penjana Tenaga serta Bangunan Lestari Thin-Film PV dan Penjana Tenaga Boleh Baharu, yang dilancarkan semalam.

Pengurus Besar Pusat Penyelidikan Tenaga Boleh Baharu Mohd Fauzi Ismail berkata projek ladang itu masih di peringkat kajian dan penyelidikan, dan dengan kejayaan kedua-dua projek terdahulu, ia sedikit sebanyak memudahkan

dari segi proses pengumpulan data. "Kajian untuk projek ladang hibrid ini perlu dijalankan dengan lebih teliti kerana ia melibatkan kos yang lebih besar berbanding projek perintis.

"Kita perlu mengambil kira pelbagai aspek antaranya kemudahan akses projek, logistik, lokasi yang tepat, teknologi yang bersesuaian, bajet diperlukan dan juga senarai pelabur berpotensi.

"Saya menganggarkan, pada penghujung Jun 2014, hasil kajian yang sepenuhnya untuk pelan projek dapat dikeluarkan," katanya.

Fauzi menyifatkan projek ladang hibrid itu bukan sahaja bakal memanfaatkan penduduk setempat negeri Sabah secara khususnya, malah akan memberi faedah yang besar kepada negara secara amnya.

Beliau berkata inisiatif Sirim itu adalah selaras dengan aspirasi ne-

gara ke arah mengurangkan intensiti pelepasan karbon dioksida bagi keluaran dalam negara kasar sehingga 40 peratus berdasarkan tahap 2005 menjelang 2020 seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Copenhagen 2009.

Projek penjana tenaga boleh baharu solar dan angin oleh Sirim itu juga boleh membantu pihak berkuasa seperti Lembaga Pembangunan

Tenaga Lestari SEDA untuk memperkenalkan 'feed-in-tariff' atau tarif galakan bagi merencanakan pembangunan tenaga hijau, terutamanya daripada sumber solar dan angin.

Menurut Fauzi, kebolehan projek ladang hibrid itu adalah lebih efisien berbanding teknologi penjana tenaga boleh baharu yang lain kerana ia mampu menjana tenaga solar dan angin secara sekaligus pada skala yang lebih besar dan kosnya tidak terlalu membebankan.

Projek tersebut juga mempunyai potensi dan prospek masa hadapan yang tinggi kerana permintaan tenaga yang sentiasa meningkat, seiring dengan pembangunan ekonomi negara yang semakin pesat, katanya.

"Projek itu akan dibantu oleh pihak kerajaan menerusi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), manakala Sirim akan membekalkan teknologi serta kepakarannya.

"Bagi tujuan kewangan, kami sedang mencari pelabur-pelabur yang berpotensi dan berminat untuk sebarang modal teroka bagi membiayai kos-kos yang terlibat," tambahnya.

- Bernama





Sirim Bakal Bangunkan Ladang Solar Dan Angin Hibrid Berskala Besar, Pertama Di Negara Dan Asia

Oleh Zairina Zainudin

KUDAT, 9 Dis (Bernama) -- [Sirim Bhd](#) berhasrat mengembangkan teknologi tenaga boleh baharu ke peringkat komersial berskala besar dengan membangunkan ladang solar dan angin hibrid yang pertama di negara dan benua Asia.

Rancangan itu merupakan susulan keberhasilan yang dicapai menerusi projek prakomersial terbaharunya, Aplikasi Sistem Teknologi Angin untuk Penjanaan Tenaga serta Bangunan Lestari Thin-Film PV dan Penjanaan Tenaga Boleh Baharu, yang dilancarkan Ahad.

Pengurus Besar Pusat Penyelidikan Tenaga Boleh Baharu Mohd Fauzi Ismail berkata projek ladang itu masih di peringkat kajian dan penyelidikan, dan dengan kejayaan kedua-dua projek terdahulu, ia sedikit sebanyak memudahkan dari segi proses pengumpulan data.

"Kajian untuk projek ladang hibrid ini perlu dijalankan dengan lebih teliti kerana ia melibatkan kos yang lebih besar berbanding projek perintis.

"Kita perlu mengambil kira pelbagai aspek antaranya kemudahan akses projek, logistik, lokasi yang tepat, teknologi yang bersesuaian, bajet diperlukan dan juga senarai pelabur berpotensi.

"Saya menganggarkan, pada penghujung Jun 2014, hasil kajian yang sepenuhnya untuk pelan projek dapat dikeluarkan," katanya kepada Bernama.

Fauzi menyifatkan projek ladang hibrid itu bukan sahaja bakal memanfaatkan penduduk setempat negeri Sabah secara khususnya, malah akan memberi faedah yang besar kepada negara secara amnya.

Beliau berkata inisiatif Sirim itu adalah selaras dengan aspirasi negara ke arah mengurangkan intensiti pelepasan karbon dioksida bagi keluaran dalam negara kasar sehingga 40 peratus berdasarkan tahap 2005 menjelang 2020 seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Copenhagen 2009.

Projek penjanaan tenaga boleh baharu solar dan angin oleh Sirim itu juga boleh membantu pihak berkuasa seperti Lembaga Pembangunan Tenaga Lestari SEDA untuk memperkenalkan 'feed-in-tariff' atau tarif galakan bagi merencanakan pembangunan tenaga hijau, terutamanya daripada sumber solar dan angin.

Menurut Fauzi, kebolehan projek ladang hibrid itu adalah lebih efisien berbanding teknologi penjanaan tenaga boleh baharu yang lain kerana ia mampu menjana tenaga solar dan angin secara sekaligus pada skala yang lebih besar dan kosnya tidak terlalu membebankan.

Projek tersebut juga mempunyai potensi dan prospek masa hadapan yang tinggi kerana permintaan tenaga yang sentiasa meningkat, seiring dengan pembangunan ekonomi negara yang semakin pesat, katanya.

"Projek itu akan dibantu oleh pihak kerajaan menerusi [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(Mosti\)](#), manakala Sirim akan membekalkan teknologi serta kepakarannya.

"Bagi tujuan kewangan, kami sedang mencari pelabur-pelabur yang berpotensi dan berminat untuk sebarang modal teroka bagi membiayai kos-kos yang terlibat," tambahnya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT B5
TARIKH: 10 DISEMBER 2013 (SELASA)

SIRIM rancang bangun ladang solar, angin hibrid

SIRIM Bhd berhasrat mengembangkan teknologi tenaga boleh diperbaharui ke peringkat komersial berskala besar dengan membangunkan ladang solar dan angin hibrid yang pertama di negara dan benua Asia.

Rancangan itu adalah susulan keberhasilan yang dicapai menerusi projek prakomersial terbarunya, Aplikasi Sistem Teknologi Angin untuk Penjanaan Tenaga serta Bangunan Lestari Thin-Film PV dan Penjanaan Tenaga Boleh Baharu, yang dilancarkan, semalam.

Pengurus Besar Pusat Penyelidikan Tenaga Boleh Baharu, Mohd Fauzi Ismail berkata projek ladang itu masih pada peringkat kajian dan penyelidikan, dan dengan kejayaan kedua-dua projek terdahulu, ia sedikit sebanyak memudahkan dari segi proses pengumpulan data.

"Kajian projek ladang hibrid ini perlu dijalankan dengan lebih teliti kerana ia memabitkan kos yang lebih besar berbanding projek perintis.

"Kita perlu mengambil kira pelbagai aspek antaranya kemudahan akses projek, logistik, lokasi yang tepat, teknologi yang bersesuaian, bajet diperlukan dan juga senarai pelabur berpotensi.

"Saya anggarkan, pada penghujung Jun 2014, hasil kajian penuh untuk pelan projek dapat dikeluarkan," katanya. **BERNAMA**

Sirim plans to expand renewable energy technology

KUDAT: Sirim Bhd plans to expand its renewable energy technology to the level of large-scale commercialisation through the development of the first solar and wind hybrid farm in the country, as well as in Asia.

The plan is a follow-up to the result achieved via its latest pre-commercialisation venture, the application of wind technology system for energy generation and sustainable thin-film PV building and the renewable energy generation projects, launched yesterday.

Renewable Energy Research Centre general manager Mohd Fauzi Ismail said the solar farm project was still in the research and development stage, and that the success of the two projects had somewhat helped make it easier for data collection.

"The research on the hybrid farm project

needs to be undertaken with greater care as it involves a higher cost compared with pioneer ventures.

"We need to consider, among them, accessibility to the project, logistics, a good location, compatible technology, the budget needed as well as a list of potential investors. I estimate that by the end of June 2014, the outcome of the full research for the project plan, can be published," he said.

Fauzi described the hybrid farm project as not just benefiting the locals in Sabah but also the country.

He said the Sirim initiative was in line with Malaysia's aspiration to reduce the intensity of carbon dioxide emissions by up to 40% by 2020, compared with 2005 levels, as announced by Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak at

The project also has high future potential and prospects.

- Mohd Fauzi Ismail

the 2009 United Nations Climate Change Conference in Copenhagen.

Sirim's latest wind and solar renewable energy generation project can help organisations such as the Sustainable Energy Development Authority to introduce the "feed-in-tariff" to enhance the development of green energy, spe-

cifically from solar and wind sources.

According to Fauzi, the hybrid farm project was more efficient compared with other renewable energy sources, as it could generate solar and wind energy simultaneously on a larger scale and at a cost that was not burdensome.

"The project also has high future potential and prospects as energy demand is always increasing, in line the fast development pace of the country's economy," he said, adding that the project would be facilitated by the Government through the Science, Technology and Innovation Ministry while Sirim would provide the technology as well as expertise.

"For the purpose of financing, we are seeking out potential investors keen on any venture capital to underwrite the cost involved," he added. - Bernama

Sirim to push wind solar hybrid power generation



SIRIM BHD plans to expand its renewable energy technology to the level of large scale commercialisation through the development of solar farms and the first wind solar hybrid system in the country and in Asia.

The plan is a follow-up to the result achieved via its latest pre-commercialisation venture, the Application of Wind technology System for Energy Generation and Sustainable Thin-Film PV Building and the Renewable Energy Generation projects, launched yesterday.

Renewable Energy Research Centre general manager Mohd Fauzi Ismail said the solar farm project is still in the research and development stage.

"The research on the hybrid farm project needs to be undertaken with greater care as it involves a higher cost compared to pioneer ventures.

"We need to take into account various considerations, among

them, accessibility to the project, logistics, a good location, compatible technology, the budget needed as well as potential investors. I estimate that by the end of June 2014, the outcome of the full research for the project plan, can be published."

Fauzi described the hybrid farm project as not just benefiting the locals in Sabah specifically, but also, providing benefits to the country generally.

He said the Sirim initiative is in line with Malaysia's aspiration to reduce the intensity of carbon dioxide emissions by up to 40% by 2020, compared to 2005 levels, as announced by Prime Minister Datuk Seri Najib Razak at the 2009 United Nations Climate Change Conference in Copenhagen.

Sirim's latest wind and solar renewable energy generation project can help organisations such as the Sustainable Energy Development Authority (SEDA)

to introduce the "feed-in-tariff" to enhance the development of green energy, specifically from solar and wind sources.

Fauzi said the hybrid farm project is more efficient compared to other renewable energy sources, as it can generate solar and wind energy simultaneously on a larger scale and at a cost that is not burdensome.

"The project also has high future potential and prospects as energy demand is always increasing, in line the fast development pace of the country's economy."

He said the project will be facilitated by the government through the Ministry of Science, Technology and Innovation, while Sirim provides the technology as well as expertise.

"For the purpose of financing, we are seeking out potential investors keen on any venture capital, to underwrite the cost involved." — Bernama

KERATAN AKHBAR
THE MALAY MAIL (NATIONAL) : MUKA SURAT 10
TARIKH: 10 DISEMBER 2013 (SELASA)

Lynas's waste recycling plans under study

NO final decision has been made on mining firm Lynas's plan to recycle waste from its Kuantan rare-earth plant, Malaysia's regulator Atomic Energy Licensing Board (AELB) has said.

According to AELB, Lynas has already submitted the results of its research on the recycling of its Water Leached Purification (WLP) residue for commercial use as road base aggregates or road building materials, but further study was required.

"The tests were conducted by accredited laboratories, which confirmed the suitability of product for its intended use and that its radioactivity levels were below regulatory limits, AELB has requested further tests be performed on more batches and will only make a decision upon receiving those results," AELB wrote in an email response to *The Malay Mail Online*.

In September last year, AELB granted Lynas (Malaysia) Sdn Bhd its TOL, which came with several conditions. AELB's then director-general Raja Datuk Abdul Aziz Raja Adnan had said the TOL would be for a two-year period that would end on September 2, 2014.

In the same email response, AELB said it was monitoring operations of the Lynas plant "round the clock (24/7)", stating it found the radiation levels onsite and offsite the plant up to a 20km radius to be within "regulatory limits".

"The findings indicate that Lynas's operations are safe and under control," AELB said. Having said that it will continue to monitor and ensure that Lynas is complying with the TOL conditions and all safety requirements under the country's laws.

Last week, both AELB and Lynas Malaysia Sdn Bhd said the rare-earth plant was not affected by Pahang's massive floods, which forced tens of thousands of residents there to evacuate after days of continuous rain.

Lynas also dispelled fears that the waste stored in its residue storage facility (RSF) would leak into the ground due to the heavy downpour in Kuantan, noting that the RSF was designed to prevent leaching and had met international and national standards.



Yayasan Angkasawan Malaysia Anjur Bengkel Astronomi Untuk Media

KUALA LANGAT, 9 Dis (Bernama) -- Buat julung kalinya, [Yayasan Angkasawan Malaysia \(YAM\)](#) menganjurkan bengkel astronomi bersama media bagi mempertingkatkan pemahaman mereka berkaitan sains dan teknologi angkasa lepas.

Sebanyak 20 wakil media pelbagai agensi berkongsi maklumat berhubung ilmu astronomi dalam bengkel dua hari itu, yang berakhir hari ini, di Paya Indah Wetlands Resort di sini.

[Ketua Pegawai Eksekutif YAM Rajini Ramlan](#) berkata yayasan itu akan bekerjasama dengan media bagi mempertingkatkan kesedaran awam berkaitan ilmu angkasa lepas yang dilihat mampu menyelesaikan sebahagian besar masalah bumi.

"Program angkasa lepas perlu dilihat secara menyeluruh dan bukan hanya sekadar penghantaran angkasawan ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) sahaja," katanya pada bengkel itu hari ini.

Turut hadir Angkasawan Kedua Negara Mejar Dr Faiz Khaleed.

Sementara itu, Pegawai Sains Agensi Angkasa Negara (Angkasa) Mohd Zamri Shah Mastor berkata kabinet pada dasarnya bersetuju dengan rancangan penghantaran angkasawan kedua negara bagi melakukan pelbagai penyelidikan di ISS menjelang 2016.

Bagaimanapun, beliau berkata perkara itu bergantung kepada situasi ekonomi semasa pada tahun berkenaan.

"Untuk menghantar angkasawan ke ISS memang memerlukan perbelanjaan yang besar dan hampir mencecah RM100 juta, oleh itu, amat penting bagi Angkasa dan YAM membuat kajian terperinci agar misi kedua ini memenuhi sasaran yang diletakkan," katanya.

Ditanya negara yang akan dipilih untuk bekerjasama menghantar angkasawan kedua negara, Mohd Zamri berkata kerajaan sedang menilai perkara itu dan masih menunggu tawaran yang berpatutan.

Malaysia menghantar Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor ke ISS dengan roket Soyuz TMA-11 pada 10 Okt 2007 hasil kerjasama dengan Rusia dan angkasawan pertama negara itu menjalankan pelbagai penyelidikan, antaranya membabitkan sel kanser serta leukemia di stesen angkasa berkenaan.

Mohd Zamri juga berkata satelit RazakSAT-2 iaitu sebuah satelit penderiaan jauh bagi memantau permukaan bumi yang menelan kos kira-kira RM270 juta dijangka beroperasi di orbit pada 2016.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 10 DISEMBER 2013 (SELASA)



Gempa Bumi Kuat Landa Kepulauan Kuril

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Gempa bumi kuat berukuran 6.1 pada skala Richter melanda Kepulauan Kuril di Jepun pada 1.24 pagi ini.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), gempa itu berpusat di 557km Timur Laut Asahikawa di Jepun dan 5,239km Timur Laut Kudat di Sabah.

Gempa itu tidak membawa ancaman tsunami.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 10 DISEMBER 2013 (SELASA)



Gempa Bumi Sederhana Landa Halmahera Di Indonesia

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Satu gempa bumi sederhana berukuran 5.7 pada skala Richter melanda Halmahera di Indonesia pada 4.47 petang Isnin.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), pusat gempa terletak 204 kilometer dari timur laut Ternate di Indonesia dan 1,086 kilometer dari tenggara Semporna di Sabah.

Bagaimanapun, gempa itu tidak membawa ancaman tsunami.

-- BERNAMA



Keadaan Cuaca Di Kelantan, Terengganu, Pahang Dan Johor Dijangka Bertambah Baik Selasa

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Keadaan cuaca di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor dijangka bertambah baik Selasa berikutan hujan diramal berlaku hanya di beberapa kawasan sahaja di negeri berkenaan.

Ketua Penolong Pengarah Pusat Cuaca Nasional, Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Amirzudi Hashim berkata di Kelantan dan Terengganu, hujan dijangka berlaku di satu dua tempat pada sebelah pagi hingga malam.

"Biarpun hujan, ia adalah hujan yang normal, bukan hujan berlarutan atau berterusan seperti yang dilaporkan media sebelum ini," katanya ketika dihubungi Bernama di sini, hari ini.

Beliau berkata di Pahang, hujan dijangka berlaku di kawasan pantai pada sebelah pagi manakala pada petang dan malam, hujan diramalkan di satu dua tempat sahaja.

Di Johor pula, hujan diramal berlaku di kawasan pantai pada sebelah pagi dan ribut petir pada petang selain berkemungkinan hujan di satu dua tempat pada sebelah malam, katanya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Cuaca Nasional JMM Muhammad Helmi Abdullah berkata pihaknya sedang mengumpul data berhubung taburan hujan kali ini di seluruh negara.

Ditanya sama ada taburan hujan kali ini adalah luar biasa sehingga menyebabkan banjir teruk terutamanya di Pahang dan Terengganu, beliau berkata pihaknya perlu melihat hasil pengumpulan data itu.

"Untuk mengira taburan hujan, ia bukan mengambil kira daripada lihat kepada keadaan banjir yang besar tetapi Jabatan Meteorologi perlu lihat kuantiti air hujan yang turun dan membuat perbandingan dengan tahun-tahun lepas.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 10
TARIKH: 10 DISEMBER 2013 (SELASA)

Hampir semua
negeri diramal
hujan hari ini

KUALA LUMPUR 9 Dis. - Beberapa tempat di Johor, Kedah, Kelantan, Terengganu, Pahang, Pulau Pinang, Perlis dan Sarawak diramal mengalami hujan pada sebelah pagi esok manakala tempat-tempat lain cerah.

Bagaimanapun menurut Jabatan Meteorologi, beberapa tempat di Johor, Kedah, Kuala Lumpur, Labuan, Melaka, Negeri Sembilan, Putrajaya, Selangor, Sabah, dan Sarawak akan mengalami ribut petir pada sebelah petang manakala hujan lebat dijangka melanda Kelantan, Pahang, Terengganu, Pulau Pinang, Perak dan Perlis.

Pada sebelah malam pula, beberapa kawasan sekitar Johor, Kelantan, Terengganu, Kuala Lumpur, Labuan, Negeri Sembilan, Pahang, Putrajaya, Selangor, Sabah dan Sarawak akan mengalami hujan.

Hujan bertambah di Johor, Sarawak

SHAH ALAM – Jabatan Meteorologi Malaysia memramalkan pertambahan hujan melanda kawasan Johor Timur dan Sarawak Barat bermula 11 hingga 15 Disember ini.

Pengarah Pusat Cuaca Nasional, Muhammad Helmi Abdullah berkata, hujan yang melanda hari ini dan semalam adalah berkurangan berbanding sebelumnya.

“Dalam tempoh semalam dan hari ini, cuaca hujan di setiap kawasan berkurangan.

“Cuma pada 11 hingga 15 Disember ini, kawasan

Johor Timur (Mersing dan kota Tinggi) dan Sarawak Barat (Matang, Tabuan, Batu Kawah, Petra Jaya) dijangka mengalami cuaca yang lebih lembap dengan pertambahan hujan,” katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Katanya, kawasan selebihnya hanya akan mengalami corak cuaca hujan yang biasa.

“Bagi kawasan negeri pantai timur, hujan akan melanda pada waktu pagi manakala di negeri pantai barat mengalami hujan pada waktu petang,” katanya.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (BENCANA BANJIR) : MUKA SURAT 03
TARIKH: 10 DISEMBER 2013 (SELASA)

Keadaan cuaca di Pantai Timur dijangka bertambah baik

KUALA LUMPUR - Keadaan cuaca di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor dijangka bertambah baik esok berikutan hujan diramal berlaku hanya di beberapa kawasan sahaja di negeri berkenaan.

Ketua Penolong Pengarah Pusat Cuaca Nasional, Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Amirzudi Hashim berkata di Kelantan dan Terengganu, hujan dijangka berlaku di satu dua tempat pada sebelah pagi hingga malam.

"Biarpun hujan, ia adalah hujan yang nor-

mal, bukan hujan berlarutan atau berterusan seperti yang dilaporkan media sebelum ini," katanya semalam.

Beliau berkata di Pahang, hujan dijangka berlaku di kawasan pantai pada sebelah pagi manakala pada petang dan malam, hujan diramalkan di satu dua tempat sahaja.

Di Johor pula, hujan diramal berlaku di kawasan pantai pada sebelah pagi dan ribut petir pada petang selain berkemungkinan hujan di satu dua tempat pada sebelah malam,

katanya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Cuaca Nasional JMM Muhammad Helmi Abdullah berkata pihaknya sedang mengumpul data berhubung taburan hujan kali ini di seluruh negara.

Ditanya sama ada taburan hujan kali ini adalah luar biasa sehingga menyebabkan banjir teruk terutamanya di Pahang dan Terengganu, beliau berkata pihaknya perlu melihat hasil pengumpulan data itu.

"Untuk mengira taburan hujan, ia bukan mengambil kira daripada lihat kepada keadaan banjir yang besar tetapi Jabatan Meteorologi perlu lihat kuantiti air hujan yang turun dan membuat perbandingan dengan tahun-tahun lepas.

"Saya akui hujan (kali ini) memang lebat, tetapi setahu saya pernah ada taburan hujan yang lebih tinggi lagi sebelum ini, jadi tidak boleh kata (hujan) luar biasa," katanya.
- Bernama